

21/10/2002

Dolarisasi AS dan jasa Malaysia

Mior Kamarul Shahid

SEJAK dulu lagi apabila orang asing memuji Malaysia, kita berasa begitu bangga. Kita akan marah bila orang mencerca negara kita. Inilah yang dikatakan semangat cintakan negara. Orang asing sering menganggap Malaysia sebagai sebuah negara yang maju, makmur, moden dan stabil. Mereka mengenali Malaysia menerusi Menara Berkembar Petronas, Putrajaya dan sebagainya. Malah, mereka mengiktiraf pemimpin negara terutama Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mempunyai wawasan yang begitu jauh sekali.

Hari ini pun rakyat asing, dari setinggi-tinggi kedudukan hinggalah kepada golongan marhain tetap mengenali Malaysia. Pandangan dan sikap mereka terhadap Malaysia tidak pernah berubah. Ketika berada di New Delhi dan Hydrabad, India dan Islamabad, Pakistan minggu lalu, setiap orang yang bertanya dari mana kita datang, semuanya mengenali Malaysia. Mereka boleh mengagak rakyat Malaysia hanya dengan melihat wajah dan kulit sawo matang mereka. Tekaan mereka selalunya tepat. Mereka sudah jarang terkeliru lagi dengan wajah orang Malaysia terutama Melayu walaupun tidak jauh berbeza dengan wajah orang Indonesia, Filipina atau Thailand.

Mungkin kerana gaya orang Malaysia agak berbeza atau mereka sudah mahir dengan lidah orang Malaysia bercakap. Ditanya bagaimana mereka mengenali Malaysia, lantas mereka menjawab 'Dr Mahathir'. Mereka mengenali Malaysia menerusi Dr Mahathir dan kemajuan yang dibawanya. Bagi mereka, Malaysia dan Dr Mahathir adalah sinonim - Malaysia adalah Dr Mahathir dan Dr Mahathir adalah Malaysia. Mereka mengagumi Dr Mahathir kerana wawasan dan keberaniannya bercakap soal-soal yang orang lain tidak berani berbuat demikian.

Sanjungan bukan lagi perkara penting bagi Malaysia. Apa yang lebih bermakna ialah kesan daripada usaha Malaysia sama ada kepada masyarakat Malaysia atau dunia. Sudah sampai masanya, Malaysia memikirkan sesuatu yang baru bagi meningkatkan pengiktirafan dunia terhadap negara. Kita tidak boleh lagi bermegah dengan kemajuan pembangunan dan ekonomi semata-mata. Malaysia perlu mendapatkan pengiktirafan yang lebih besar menerusi peranan yang membabitkan kepentingan dunia. Inilah sebenarnya yang diharapkan oleh banyak rakyat dan negara dunia hari ini terutama di negara-negara dunia ketiga.

Ketika imej Amerika Syarikat dan beberapa negara di Eropah mula terhakis, mana-mana negara yang berkemampuan boleh melakukan sesuatu untuk membuktikan keikhlasan mereka mententeramkan keadaan dunia masa kini yang kelam kabut. Mungkin peranan itu terlalu besar bagi Malaysia, tetapi tidak siapa boleh menafikan bahawa pengaruh Malaysia juga adalah besar dan mampu menarik sokongan banyak negara di dunia. Sebuah negara kecil yang mampu mempengaruhi pemikiran dunia adalah satu kejayaan yang sukar diperoleh oleh negara lain. Jika kuasa besar boleh mempengaruhi pemikiran dunia, bukanlah sesuatu yang ganjil. Dengan kekuasaan dan kekayaan yang ada, mereka boleh menundukkan negara lain dengan begitu mudah.

Mereka mempengaruhi negara miskin dengan menghulurkan sedikit bantuan. Bagi negara yang menghadapi bencana atau kebuluran, mereka hanya perlu menghulurkan bantuan makanan. Jika negara menghadapi masalah kewangan, mereka menghulurkan pinjaman. Inilah caranya negara besar terutama Amerika Syarikat mendolarisasikan negara yang akan dipijaknya nanti. Jika negara itu menghadapi sengketa, mereka mempengaruhi dengan membekalkan senjata.

Mereka juga memperalatkan media untuk membentuk pemikiran supaya

menjadikan mereka berkuasa. Tetapi, apa yang mampu dilakukan oleh negara kecil. Mereka tidak ada segala-galanya. Media antarabangsa tidak pernah menyokong mereka, sebaliknya terus mencari kesilapan. Walaupun begitu banyak halangan yang terpaksa ditempo, Malaysia dapat merentasinya. Nama Malaysia tetap disanjung.

Rasanya, Malaysia bukan saja patut dikenali sebagai sebuah negara yang maju, aman dan harmoni. Malaysia perlu dikenali sebagai negara yang memberi sumbangan yang besar kepada dunia. Di dunia ini, masih ramai rakyat hidup menderita dan tertindas. Ada rakyat di sesebuah negara yang terlalu kaya manakala bagi satu golongan lagi pula terlalu miskin.

Malaysia mungkin boleh membantu rakyat yang terlalu daif ini dengan membawa pembangunan ke negara berkenaan. Bagi negara yang terlalu miskin pula, Malaysia juga boleh membantu dengan mengambil contoh model pembangunan negara.

Apabila dapat menyumbang jasa kepada negara-negara berkenaan, mereka bukan lagi mengenali Malaysia kerana kejayaan Malaysia membangunkan negaranya sendiri tetapi sumbangan Malaysia memajukan negara-negara yang memerlukan. Sememangnya, ia menjadi matlamat negara memakmurkan negara-negara jiran, tetapi skop bantuan perlulah diperluaskan ke negara-negara lain yang memerlukan sokongan dan bantuan Malaysia.